



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/3/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Penggunaan elektrik meningkat

Harian Metro 10/3/2021 m/s 20

Kuala Lumpur: Penggunaan elektrik di Semenanjung Malaysia melonjak kepada 18,035 megawatt (mw) pada 2 Mac lalu berbanding Februari dan Januari.


Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan memaklumkan, pada Februari penggunaan elektrik mencatatkan 17,501 mw manakala Januari lalu hanya 16,585 mw.

Katanya, taburan hujan rendah sejak Februari lalu diikuti gelombang haba melonjakkan permintaan elektrik puncak bagi Semenanjung Malaysia.

"Permintaan tinggi ini dicapai ketika ekonomi negara masih dalam fasa pemulihan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat (PKPB).

"Untuk rekod, permintaan puncak tertinggi direkodkan negara adalah 18,808mw pada 10 Mac tahun lalu iaitu lapan hari sebelum PKP dilaksanakan," katanya, semalam.

Menurut kenyataan itu, cuaca panas dijangka berterusan hingga pertengahan Mac dan Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran gelombang haba tahap berjaga-jaga dengan suhu 35 hingga 37 da-



PERMINTAAN puncak tertinggi direkodkan negara adalah 18,808 mw pada 10 Mac tahun lalu iaitu lapan hari sebelum PKP dilaksanakan.

riah Celsius di Chuping (Perlis), Kota Setar (Kedah), Alor Gajah (Melaka) serta Tangkak (Johor).

"Permintaan elektrik yang tinggi ini antara lain didorong penggunaan penyaman udara yang lebih kerap dan dalam tempoh panjang.

"Ini menyebabkan kompresor sistem penyejuk pada perkakas elektrik bekerja lebih kuat dan perlu menggunakan tenaga lebih banyak bagi mengekalkan paras suhu sejuk ketika cuaca panas," katanya.

Menurutnya, penggunaan elektrik dapat dijimatkan sekiranya penyaman

udara dioptimumkan dengan menetapkan suhu antara 24 hingga 26 darjah Celsius.

"Selain itu, kaedah lain pengguna perlu menutup tingkap dengan langsir tebal supaya haba tidak masuk bagi mengurangkan beban pendingin hawa pada waktu siang.

"Penjimatan dapat dinikmati menerusi penggunaan pemasa untuk menutup penyaman udara pada awal pagi iaitu dari jam 2 pagi ke atas (ketika cuaca mulai sejuk) dan memasang kipas mengekalkan suhu sejuk serta pengedaran udara di dalam bilik," katanya.